

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : UPACARA MENERIMA OBOR LARIAN DUNIA PERTAMA  
Lokasi : STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 15-11-1986

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad;

Dif-dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan, Assalamu 'alaikum dan selamat sejahtera.

Saya merasa gembira pada malam ini kerana dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan untuk menerima obor Larian Dunia Pertama bagi pihak rakyat Malaysia. Saya ingin mengucapkan syabas kepada peserta-peserta antarabangsa dan tempatan yang telah mengambil bahagian dalam Larian Dunia Pertama ini. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada peserta-peserta antarabangsa. Saya bersyukur mereka telah selamat sampai di Kuala Lumpur.

2. Pemilihan Malaysia untuk menyertai usaha antarabangsa ini adalah satu penghormatan kepada negara dan rakyat Malaysia. Larian Dunia Pertama ini adalah yang julung kali diadakan, dan bermula di New York pada 16 September, 1986. Ianya dilancarkan sempena Tahun Keamanan Antarabangsa yang diisytiharkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tahun 1986 ini, dan juga bagi memperingati ulangtahun UNICEF yang keempat puluh.

3. Acara ini yang diilhamkan dua tahun lalu, merupakan larian berganti-ganti bersama obor mengelilingi dunia.

Tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada orang ramai mengambil bahagian dalam satu usaha antarabangsa bagi mencapai keamanan, dan memupuk semangat kerjasama dan persefahaman di antara masyarakat dunia.

4. Malaysia merasa bangga kerana dipilih sebagai salah sebuah negara yang mengambil bahagian dalam acara yang bersejarah ini. Kesanggupan rakyat Malaysia menyertai acara ini menunjukkan bahawa kita juga mengidamkan keamanan dan kedamaian.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Adalah tepat bagi pengelola-pengelola Larian Dunia Pertama melancarkan usaha antarabangsa ini sempena Tahun Keamanan Antarabangsa dan ulangtahun keempat puluh Tabung Pelajaran Kanak-Kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF). Kanak-kanak adalah warisan negara dan bakal pemimpin masa hadapan. Jadi memanglah wajar bagi generasi kita menentukan supaya masa hadapan mereka itu cerah dan mereka boleh menikmati kesejahteraan hidup tanpa apa-apa peperangan dan persengketaan. Memadailah bagi generasi kita merasai pahit-maung peperangan dunia yang lalu. Kita tidak mahu anak-anak kita juga menghadapi penderitaan akibat peperangan, terutama kalau senjata nuklear digunakan.

6. Kita berharap pemimpin-pemimpin dunia dapat mencari penyelesaian terhadap persengketaan di kawasan-kawasan yang kurang stabil di dunia ini, terutama di Timur Tengah, Asia Selatan dan Asia Tenggara. Marilah kita berdoa agar nasib kanak-kanak yang malang di kawasan-kawasan persengketaan tersebut akan bertambah baik dan semoga masa depan mereka akan menjadi cerah pada satu hari kelak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Obor ini telah tiba di negara kita dari Bangkok setelah melintasi hampir setengah dunia sebelum tiba di negara-negara China dan Thai. Beribu-ribu rakyat negara-negara yang menyertai Larian Dunia Pertama ini telah mengambil bahagian. Kini sampailah giliran rakyat Malaysia mengambil bahagian untuk

membawa obor ini dari Kuala Lumpur ke Melaka, Muar, Batu Pahat dan Johor Baru sebelum diserahkan kepada Singapura. Tentulah pelari-pelari sedang menunggu giliran mereka dengan hati yang berdebar.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Dengan sukacitanya, saya menerima Obor Larian Dunia Pertama-Malaysia ini dan berdoa agar obor ini dan semua peserta akan selamat tiba di Johor Baru Selamat berlari dan selamat maju jaya.